
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 417 – Cuaca Dan Iklim

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jika perlu, sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Tiap-tiap soalan menyumbangkan 25 markah.

...2/-

1. Jelaskan bagaimana fenomena El-Nino terjadi di rantau Pasifik dan kesannya ke atas sistem atmosfera dan hidrologi di kawasan tersebut.

(25 markah)
2. Dengan merujuk contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana aktiviti manusia boleh menyebabkan perubahan kepada iklim mikro di sesebuah bandar.

(25 markah)
3. Bincangkan tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menjalankan analisis dan ramalan cuaca di sesuatu tempat.

(25 markah)
4. Nyatakan ciri-ciri utama dan taburan iklim Hujan Tropika (A). Huraikan tumbuh-tumbuhan semulajadi serta bagaimana penduduk di kawasan Khatulistiwa menjalankan sara hidup dalam suasana jenis iklim Hutan Hujan Tropika (Af).

(25 markah)
5. Bincangkan tentang bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pertukaran iklim telah berlaku pada masa lampau.

(25 markah)
6. "Cuaca dan iklim boleh mempengaruhi kemajuan ekonomi di sesebuah negara" Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?

(25 markah)